

01/09/2001

Empat segmen untuk peminat puisi

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malam Deklamasi Angkasapuri yang akan berlangsung Ahad ini menjanjikan kelainan dan kepuasan kepada peminat puisi menerusi persembahan empat segmen iaitu ketuhanan, cinta, keluarga dan patriotisme.

Penampilan artis, penyair tersohor serta orang kenamaan dijangka memantapkan lagi program yang julung kali diadakan bersama oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB). Ia akan diadakan di Auditorium Perdana, Angkasapuri.

Acara yang diadakan julung kali itu turut membabitkan artis terkenal seperti Ramli Sarip, Aishah, Koprata, Ras Adiba Radzi, Safura dan Nora.

Selain itu, penyanyi lagu puisi, Ahmad Ramli dan Abu Bakar Ellah manakala penyair pula, seperti Lim Swee Tin, Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail, Wan Omar Wan Ahamed (Sutung Umar RS), Tengku Khalidah Bidin, Intan Marhayu dan Rahimidin Zahari.

Lebih menarik lagi, penonton juga akan disajikan dengan dendangan sajak Melayu Mudah Lupa yang dibacakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno Mei lalu. Lagu puisi itu akan disampaikan oleh penyanyi Safura.

Safura juga akan menyanyikan puisi Sese kali karya Lim Swee Tin, menerusi segmen cinta; manakala Ramli Sarip dan Ahmad Ramli masing-masing akan melagukan puisi Taman Rohani dan Katakan Padaku menerusi segmen ketuhanan.

Acara itu yang dijangka diadakan setiap tahun bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat, akan turut menyaksikan bakat menyanyi Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob, yang akan menyampaikan lagu Permata Untuk Isteri.

Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya BHSB, Wan Omar Wan Ahamed, yang lebih dikenali sebagai Sutung Umar RS akan mendeklamasikan puisi Akan Kau Dengarkah.

Puisi Pesan Ibu Beribu-Ribu karya Prof Madya Rahman Shaari pula menjadi pilihan anaknya, Intan Marhayu manakala Sesetia Malam Pada Siang (Siti Zaleha Hashim) akan didendangkan oleh Aishah.

Wartawan hiburan yang juga pendeklamasi sajak, Tengku Khalidah Bidin akan menyampaikan sajak Aku Anak Kroni karya Rahman.

Puisi Dabus Rohani karya Khalid Salleh dan Tetamu Senja (Datuk A Samad Said) akan dilagukan Koprata dan Sekepal Tanah pula dideklamasikan penyairnya sendiri, Rahimidin Zahari.

Tidak ketinggalan Pensyarah Budaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail yang juga penyair dan pelukis. Beliau memilih puisinya, Altar Akhir.

Penyair dan Pensyarah Sastera Universiti Putra Malaysia (UPM) Lim Swee Tin, akan mendeklamasikan puisi Warga Malaysia manakala Tanah Air karya Datuk Usman Awang akan disampaikan Koir RTM.

Abu Bakar Ellah tidak ketinggalan beraksi dan beliau akan menyanyikan Orang Kita.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah, Zaini Ozea, tampil bersama Gebung Kedebang dan Kumpulan Ibrahim Bachik (Bicara Teman Lama).

(END)